

**KENYATAAN AKHBAR OLEH KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI  
LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN DAN  
PENGURUSAN KEWANGAN TAHUN 2012 SERTA AKTIVITI KERAJAAN  
PERSEKUTUAN, BADAN BERKANUN PERSEKUTUAN DAN KERAJAAN-  
KERAJAAN NEGERI SIRI 3**

1. Mulai tahun 2013, Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Tahun 2012 dibentangkan secara bersiri sebanyak 3 kali. Laporan Ketua Audit Negara Siri 1 dan 2 telah dibentangkan di Parlimen pada 1 Oktober 2013.
2. Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Serta Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Siri 3 pula akan dibentangkan di Parlimen pada 2 Disember 2013 ( Isnin ) selepas mendapat perkenan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Pada hari yang sama, Jabatan Audit Negara akan memberi taklimat berhubung dengan isu-isu utama yang dibangkitkan dalam laporan tersebut kepada Ahli-ahli Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara di Parlimen.
3. Laporan Ketua Audit Negara ini mengandungi perkara-perkara berikut:

### **3.1. Mengesahkan Penyata Kewangan**

- a) Ketua Audit Negara adalah bertanggungjawab mengesahkan sama ada penyata kewangan Kerajaan Persekutuan, Kerajaan-kerajaan Negeri, Badan Berkanun Persekutuan, Badan Berkanun Negeri, Pihak Berkuasa Tempatan dan Majlis Agama Islam telah disediakan secara teratur mengikut piawaian perakaunan yang diterima pakai dan memberi gambaran yang sebenar tentang kedudukan kewangan Kerajaan/agensi berkenaan. Setakat 1 Disember 2013, bilangan penyata kewangan yang perlu diaudit dan telah disahkan adalah seperti berikut:

BIL.	PENYATA KEWANGAN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2012	PENSIJILAN SETAKAT 1.12.2013
1.	Kerajaan Persekutuan	1	1
2.	Kerajaan-kerajaan Negeri	13	13
3.	Badan-badan Berkanun Persekutuan	133	133
4.	Badan Berkanun Negeri	151	143
5.	Pihak Berkuasa Tempatan	147	140

BIL.	PENYATA KEWANGAN	BILANGAN PENYATA KEWANGAN TAHUN 2012	PENSIJILAN SETAKAT 1.12.2013
6.	Majlis Agama Islam Negeri	13	12
	JUMLAH	458	442

- b)** Berdasarkan kepada pengauditan terhadap 458 penyata kewangan Kerajaan dan agensi Kerajaan tahun 2012, sebanyak 419 penyata kewangan telah diberikan Sijil Audit Tanpa Teguran. Manakala sebanyak 23 penyata kewangan telah diberi Sijil Audit Berteguran kerana terdapat beberapa piawaian perakaunan yang tidak dipatuhi sepenuhnya. Baki 16 penyata kewangan masih dalam proses pengauditan.

**c) Prestasi Kutipan Hasil Persekutuan**

Pada tahun 2012, Kerajaan Persekutuan telah mengutip hasil berjumlah RM207.913 bilion iaitu meningkat sejumrah RM22.494 bilion (12.1%) berbanding dengan tahun 2011 yang berjumlah RM185.419 bilion. Hasil cukai, hasil bukan cukai dan terimaan bukan hasil menunjukkan peningkatan berbanding dengan tahun 2011. Peningkatan hasil sebahagian besarnya disumbangkan oleh cukai pendapatan petroleum; cukai pendapatan syarikat; cukai pendapatan individu; faedah dan perolehan daripada pelaburan; lesen, bayaran pendaftaran dan permit; duti setem dan cukai perkhidmatan. Kenaikan harga petroleum mentah dunia; perkembangan ekonomi domestik yang kukuh; bayaran dividen yang lebih tinggi oleh Khazanah Nasional Berhad serta aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan secara berterusan oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (LHDNM) dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) telah menyumbang kepada peningkatan hasil. LHDNM telah berjaya mengutip hasil berjumlah RM124.892 bilion pada tahun 2012 berbanding RM109.608 bilion pada tahun 2011 iaitu peningkatan sejumrah RM15.284 bilion (13.9%). Manakala JKDM pula telah berjaya mengutip sejumrah RM32.319 bilion pada tahun 2012 berbanding RM30.379 bilion pada tahun 2011 iaitu peningkatan sejumrah RM1.940 bilion (6.4%).

### 3.2. Pengauditan Pengurusan Kewangan (Indeks Akauntabiliti)

- a)** Mulai tahun 2007, Jabatan Audit Negara telah melaksanakan penilaian terhadap pengurusan kewangan sektor awam berdasarkan Sistem Penarafan yang berasaskan kepada Indeks Akauntabiliti (IA). Ia dilaksanakan bertujuan untuk menilai sejauh mana pengurusan kewangan Kementerian/Jabatan Persekutuan/Kerajaan Negeri/Badan

Berkanun Persekutuan/Badan Berkanun Negeri/Pihak Berkuasa Tempatan/Majlis Agama Islam telah mematuhi undang-undang dan peraturan kewangan Kerajaan. Aspek yang dinilai adalah Kawalan Pengurusan; Kawalan Bajet; Kawalan Terimaan; Kawalan Perbelanjaan; Pengurusan Akaun Amanah/Kumpulan Wang Amanah Dan Deposit; Pengurusan Aset Dan Stor; Pengurusan Pelaburan; Pengurusan Pinjaman serta Penyediaan dan Persembahan Penyata Kewangan.

- b)** Penarafan tahap prestasi pengurusan kewangan (IA) dilaksanakan mengikut 2 kategori iaitu Kategori Wajib dan Kategori Giliran. Agensi yang diletakkan di bawah kategori wajib perlu dinilai prestasi kewangannya setiap tahun manakala agensi di bawah kategori giliran akan dinilai prestasi kewangannya setiap 3 tahun sekali. Agensi di peringkat Persekutuan dan Negeri yang **wajib dibuat penilaian prestasi** kewangan setiap tahun adalah seperti berikut:

PERINGKAT PERSEKUTUAN	PERINGKAT NEGERI
<ul style="list-style-type: none"> <li>• Kerajaan Persekutuan           <ul style="list-style-type: none"> <li>i. 25 Kementerian</li> <li>ii. 4 Jabatan pemungut hasil utama:               <ul style="list-style-type: none"> <li>- Jabatan Kastam Diraja Malaysia</li> <li>- Jabatan Imigresen Malaysia</li> <li>- Jabatan Pengangkutan Jalan</li> <li>- Polis DiRaja Malaysia</li> </ul> </li> </ul> </li> <li>• Pejabat Setiausaha Persekutuan di Negeri Sabah dan Sarawak</li> <li>• Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan</li> </ul>	<ul style="list-style-type: none"> <li>• 13 Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri</li> <li>• 13 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri</li> <li>• 13 Majlis Agama Islam Negeri</li> <li>• 13 Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri</li> </ul>

- c) Hasil Penarafan Indeks Akauntabiliti (IA) Bagi Tahun 2010 Hingga 2012**

Pada keseluruhannya, Jabatan Audit Negara mendapati tahap prestasi pengurusan kewangan agensi bagi tahun 2012 adalah lebih baik dengan 143 Kementerian/Jabatan/Agensi yang mendapat penarafan **SANGAT BAIK (4 Bintang)** berbanding dengan 109 Kementerian/Jabatan/Agensi pada tahun 2011 dan 77 pada tahun 2010. Pencapaian baik yang ketara ini menunjukkan pelaksanaan IA telah memberi dorongan kepada Pegawai Pengawal untuk mengambil tindakan penambahbaikan terhadap pengurusan kewangan.

### **3.3. Pengauditan Prestasi Terhadap Program/Aktiviti/Projek Kerajaan Di Peringkat Persekutuan dan Negeri**

- a)** Setiap tahun, Jabatan Audit Negara menjalankan pengauditan prestasi yang bertujuan menilai sejauh mana pelbagai aktiviti dan projek Kerajaan telah dirancang, dilaksanakan dan dipantau dengan cekap

dan berkesan serta sejauh mana objektif asal program/aktiviti dan projek ini telah tercapai. Ia juga bertujuan untuk menilai sejauh mana wang awam telah dibelanjakan dengan berhemat tanpa pemborosan dan pembaziran serta mendapat *best value for money*.

- b)** Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3, sebanyak 47 pengauditan prestasi dan 17 pengauditan pengurusan Syarikat Kerajaan lagi telah dilaksanakan di peringkat Persekutuan dan Negeri. Pengauditan yang dilaksanakan merangkumi bidang pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan hasil cukai, program peningkatan sosioekonomi, pertanian, infrastruktur, ICT dan pengurusan syarikat.
4. Seperti mana yang terdahulu, Ketua Jabatan yang berkenaan telah dimaklumkan terlebih dahulu tentang perkara yang dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara untuk tujuan pengesahan. Bagi membolehkan tindakan pembetulan dan penambahbaikan diambil oleh Ketua Jabatan berkenaan, Jabatan Audit Negara juga telah mengemukakan 60 syor untuk Kerajaan Persekutuan, 29 syor Badan Berkanun Persekutuan dan 201 syor untuk Kerajaan-kerajaan Negeri untuk memperbaiki kelemahan yang dilaporkan.
  5. Perbendaharaan Malaysia juga telah mengeluarkan Laporan Maklum Balas mengenai Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 3 yang memberikan ulasan/tindakan terkini daripada Ketua Perkhidmatan terhadap isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara dalam Laporan Ketua Audit Negara.
  6. Kandungan Laporan Ketua Audit Negara Mengenai Penyata Kewangan Dan Pengurusan Kewangan Tahun 2012 Serta Aktiviti Kerajaan Persekutuan, Badan Berkanun Persekutuan dan Kerajaan-kerajaan Negeri Siri 3 serta sinopsisnya boleh dilayari dalam Laman Web Jabatan Audit Negara di alamat <http://www.audit.gov.my> mulai 2 Disember 2013. Sebarang pertanyaan lanjut/pandangan mengenai Laporan tersebut bolehlah dialamatkan kepada [Warkah Untuk Ketua Audit Negara](#). Cakera padat (CD) yang mengandungi Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 serta Laporan Maklum Balas oleh Perbendaharaan Malaysia turut diedarkan kepada pihak media pada hari pembentangan di Bilik Taklimat, Aras 2, Bangunan Utama, Parlimen Malaysia. Laporan-laporan ini hendaklah dibaca bersama untuk mendapatkan kedudukan terkini isu-isu yang dilaporkan oleh Ketua Audit Negara.

Ketua Audit Negara  
Malaysia

1 Disember 2013